

GS/AF/05/130

31 Ogos 2018

Kepada:

Semua Penjawat Awam di Malaysia

PER: PELAKSANAAN SST (CUKAI JUALAN & CUKAI PERKHIDMATAN) BERKUATKUASA 1 SEPTEMBER 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Seperti yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia, cukai jualan dan perkhidmatan (SST) akan dilaksanakan di seluruh negara, berkuatkuasa 01 September 2018.

Malaysia Airlines Berhad akan mengenakan 'Cukai Perkhidmatan' (ST) daripada SST ini. Cukai ST ini dikenakan sebanyak 6% dengan kod cukai 'D8' di dalam tiket.

Cukai perkhidmatan ini hanya dikenakan ke atas harga untuk penerbangan domestik sahaja.

Pengecualian dibenarkan untuk:


1. Semua penerbangan 'rural air services' di Sabah dan Sarawak.
2. Semua penerbangan di dalam Sabah dan di dalam Sarawak sahaja.
3. Semua penerbangan antarabangsa.

Sila rujuk lampiran untuk harga WPUA seperti di lampiran 'A' untuk maklumat lanjut.

Sehubungan dengan itu, kami amat berharap sekiranya maklumat ini dapat dipanjangkan kepada penjawat awam di semua kementerian dan jabatan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



Muzakir Shah Abdul Rahman
Ketua Jabatan Perjalanan Kerajaan
Malaysia Airlines Berhad